



معهد الزهري العالي

Institut Pengajian Tinggi Al-Zuhri

7 Syaaban 1446H

6 Februari 2025M

Pelajar Sijil/Diploma yang dihormati,

Assalamu'alaikum Wr. Wb.

Tuan/Puan,

PORTAL PEMBELAJARAN & PERUBAHAN FORMAT PENILAIAN 2025

Semoga anda dan keluarga dalam keadaan sihat sejahtera dan dirahmati Allah swt sentiasa.

Sebagai makluman, Sistem Pengurusan Pembelajaran LMS telah dibuka untuk dilungsuri dan dimanfaatkan oleh para pelajar Diploma & Sijil bagi pengajian 2025. Portal pelajar pula digunakan bagi ehwal administrasi (profil, tukar kata laluan, keputusan penilaian dll). Penukaran kata laluan bagi kedua-dua portal hanya boleh dilakukan di portal pelajar.

Berikut adalah butiran alamat portal dan log masuk (login):

Katanama (*user ID*): 5 abjad pertama nama pelajar dan 5 karakter (nombor/abjad) terakhir sijil kelahiran pelajar; sebagai contoh:

Nama Penuh : **Adam Bin Idris**

No Kad Pengenalan : **T0123456A**

Katanama/ID Pengguna : **ADAMB3456A**

Kata Laluan : **ACZ2o25#-**

Katanama dan katalaluan baru ini perlu digunakan untuk log masuk ke portal-portal berikut:

Perkara	Alamat portal
Portal Pelajar (Pengemaskinian profil, tukar kata laluan, semakan keputusan penilaian, ehwal kewangan seperti yuran dll.)	https://student.zuhri.com.sg
Sistem Pengurusan Pembelajaran LMS (Rujukan bahan, nota, tugasan dll.)	https://l1dp.talentlms.com

Jika anda tidak berjaya untuk log masuk dengan format di atas, sila hubungi pegawai cawangan.

Bermula tahun 2025, peperiksaan bertulis bagi program Sijil dan Diploma Kertas I yang menggunakan format *open book* akan digantikan dengan penilaian secara dalam talian melalui LMS. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kemudahan dan memanfaatkan teknologi. Manakala, peperiksaan bertulis Diploma Kertas II *closed book* masih kekal dilaksanakan di cawangan masing-masing. Oleh itu, pelajar diingatkan agar bersedia dengan keperluan sewajarnya. Perincian maklumat lanjut akan diberikan berdekatan tempoh penilaian.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai cawangan masing-masing pada waktu pejabat.

Terima kasih. Wassalamu'alaikum Wr. Wb.

Jabatan Pendidikan Al-Zuhri